

Headline	Cadang bina Pusat transformasi usahawan di Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 May 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	401 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,925
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,776



HALIMATON SAADIAH BOHAN (dua dari kiri) beramah mesra dengan para pengunjung di Pasar Tani Kampung Melayu Subang, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

Cadang bina Pusat transformasi usahawan di Selangor

KUALA LUMPUR 6 Mei - Nasib golongan peniaga dan usahawan sederhana khususnya di Selangor akan dibela dengan cadangan pembinaan Pusat Transformasi Usahawan di beberapa kawasan bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah Bohan berkata, sehubungan itu, beliau berharap terus mendapat mandat rakyat dan BN kembali menawan Selangor, sekali gus membolehkan perancangan berjalan dengan lancar dan lebih sistematik sejajar dengan pembangunan negara masa kini.

Hal demikian ini kerana katanya, kerajaan PKR Selangor gagal membawa pembangunan dan menguruskan peniaga, malah golongan itu seolah-olah dipinggirkan kerana tidak diberi tempat serta lesen perniagaan yang sepatutnya.

"Masalahnya di kawasan ini tiada sistem yang baik dan cang-

gih untuk golongan peniaga berniaga. Malah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang kononnya menyediakan kemudahan asas kepada peniaga hanya sekadar retorik apabila tandas tersebut tidak dapat digunakan kerana tidak ada sumber air serta bekalan elektrik.

"Oleh itu, saya merancang untuk adakan satu sistem yang lebih baik, di samping membantu para usahawan sederhana ini mendapatkan trak untuk perniagaan makanan," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas melawat Pasar Tani Kampung Melayu Subang dekat sini hari ini.

Dalam pada itu, Halimaton Saadiah berkata, BN Selangor akan memastikan rumah mampu milik yang dibina di negeri itu boleh dimiliki golongan sasaran, khususnya mereka yang berpendapatan rendah (B40), sekali gus menghapuskan kewujudan orang tengah dalam sistem pembinaan perumahan tersebut.

Jelas beliau, konsep peruma-

han yang diamalkan kerajaan PKR Selangor menyebabkan harga rumah mampu milik tinggi, malah penawarannya tidak mendapat sambutan berikutan pembinaan dilakukan di kawasan luar bandar sedangkan permintaan tinggi adalah daripada penduduk bandar.

Ujar beliau, tawaran tersebut juga tidak memberi manfaat kepada semua golongan, khususnya ibu tunggal dan peniaga atau individu yang tidak mempunyai rekod pengajian.

Sehubungan itu katanya, fungsi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan dikembalikan, sekali gus mengekang kewujudan orang tengah serta menjadikan pembinaan perumahan di negeri itu lebih sistematik.

Tambah beliau, tujuan PKNS ditubuhkan adalah untuk membina rumah mengikut keperluan rakyat tanpa menggunakan pemaju dan pada masa sama menghalang kewujudan orang tengah, selain menyediakan subsidi pembelian.